

Tarikh dibaca: 1 Syawal 1442H / 13 Mei 2021



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH EIDUL FITRI

Tajuk:

**“EIDUL FITRI MENGAGUNG ILAHI
MENYATU HATI”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“EIDUL FITRI MENGAGUNG ILAHI MENYATU HATI”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،
وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ
الْعِيدَ عِيدَ الدِّينِ وَالْعِبَادَةِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan menunaikan segala perintahNya dan meninggalkan apa sahaja laranganNya. Mudah-mudahan dengan takwa ini, Allah menjamin kehidupan kita dalam kesihatan yang baik dan kebahagiaan yang kekal serta keselamatan di hari akhirat nanti.

Khutbah Hari Raya pada pagi yang mulia ini adalah bertajuk: "**Eidul Fitri Mengagung Ilahi Menyatu Hati**".

Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah Sekalian,

Bulan Ramadhan telah pun pergi. Bulan Ramadhan telah mendidik hamba-hamba Allah berpuasa dengan penuh keimanan dan keinsafan. Berbahagialah orang-orang yang beramal soleh dalam bulan Ramadhan. Semoga Allah mengampunkan dosa dan menerima segala amalan kita yang lalu.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

Sebaliknya rugilah jika ada umat Islam yang tidak mengambil kesempatan meraih pahala berganda di bulan Ramadhan melalui ibadah puasa, solat, membaca al-quran dan sebagainya. Semoga kita tidak tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi di dunia dan di akhirat.

Hari ini tiba 1 Syawwal, ketibaan Eidul Fitri yang kita nantikan dapat kita sambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Hari ini Allah mengembalikan semula fitrah kita yang asal dengan keampunan dan kesucian umpama bayi baru dilahirkan yang tiada dosa dan noda. Kesyukuran dan kegembiraan hari ini dapat dirasai oleh orang yang sentiasa ikhlas hatinya, baik amalannya dan indah akhlaknya di sepanjang bulan



Ramadhan. Malah sentiasa berbuat baik sesama manusia, sentiasa memberi sumbangan dan menghormati sesama insan. Lebih-lebih lagi, kegembiraan hari raya ini benar-benar dapat dinikmati oleh orang yang berjaya melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna. Malah Allah SWT menyuruh kita bergembira dengan kurniaan nikmatNya sebagaimana firmanNya dalam surah Yunus ayat 58:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

“Katakanlah dengan kurniaan Allah dan dengan rahmatNya maka dengan demikian, hendaklah mereka bergembira. Itu adalah lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Muslimin dan Muslimat sekalian,

Hari Raya Fitri adalah hari bergembira bagi orang-orang yang berpuasa. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhui bahawa Nabi SAW bersabda:

وَلِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا: إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ بِفِطْرِهِ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ.



“Untuk orang yang berpuasa ada dua kegembiraan iaitu apabila ia berbuka ia bergembira dengan sebab buka puasanya dan apabila ia bertemu Tuhannya ia bergembira dengan sebab puasanya.”

(Riwayat Muslim)

Kegembiraan di Eidul Fitri adalah satu kejayaan dan nikmat kurniaan daripada Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengasihani. Kegembiraan kerana berjaya dan sabar melawan hawa nafsu untuk menyempurnakan ibadah puasa. Kegembiraan kerana dapat menunaikan apa yang diperintah, meninggalkan apa yang ditegah, melaksanakan sedekah dan menjaga ukhuwwah di bulan penuh barakah.

Kejayaan dan kemenangan ini juga adalah bukti umat Islam yang sentiasa membersihkan hatinya dengan amal ibadah. Allah SWT berfirman dalam surah Al-A'laa ayat 14:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

“Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh)”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat tetamu Allah yang dimuliakan,

Eidul Fitri adalah untuk taqarrub atau mendekatkan diri kepada Allah dengan takbir dan solat. Sebaliknya ia bukan untuk menjauhkan diri daripada Allah SWT dengan perlakuan mungkar dan maksiat. Selepas berjuang 30 hari melaksanakan ibadah puasa, maka 1 Syawal ini kita disuruh untuk membesar dan memuji Allah. Walaupun singkat amalan bertakbir ini tetapi



memberikan kesan sebagai penerang hati untuk menjadi hamba Allah yang bersyukur. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 185,

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

“Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur..”

Kesyukuran kita kepada Allah dan RasulNya tidak akan disia-siakan. Malah apabila kita terus bersyukur maka Allah telah berjanji akan tambah lagi nikmatNya seperti nikmat kehidupan, keamanan dan kesihatan. Allah SWT berfirman dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

“ Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.”

Sesungguhnya Allah tidak akan menurunkan azab seksa, bala bencana dan wabak penyakit jika sekiranya kita sentiasa bersyukur dan beriman kepadaNya. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Nisa' ayat 147:



مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَعَامَنْتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا

عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

“ Apa gunanya Allah menyeksakan kamu sekiranya kamu bersyukur (akan nikmatNya) serta kamu beriman (kepadaNya)? Dan (ingatlah) Allah sentiasa Membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka).”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi sekalian,

Eidul Fitri mengajar kita supaya memulia dan menghormati insan lain. Allah mengurniakan Hari Raya Fitri ini adalah untuk menguatkan lagi hubungan persahabatan, persaudaraan dan kekeluargaan. Allah akan melepaskan kesusahan kita di hari Akhirat nanti jika kita sentiasa menjaga hubungan ini dengan baik, hormat-menghormati dan tolong-menolong. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَّسَ عَن مُّؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

“Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan seseorang mukmin di dunia ini maka Allah akan melepaskan segala kesusahannya di hari akhirat.”

(Riwayat Muslim)

Dengan ini, hari raya dapat menyatukan hati umat Islam kerana disambut secara bersama oleh semua muslim dengan kegembiraan dan



kesyukuran walaupun ketika PKP dan PKPB. Inilah keindahan dan kesempurnaan ajaran Islam dalam menjaga perpaduan dan kasih sayang ummah melalui Eidul Fitri selain solat dan puasa bersama. Kesatuan Umat Islam adalah penting umpama satu tubuh badan. Anggota badan amat memerlukan dan bantu membantu antara satu sama lain. Setiap anggota juga sama-sama merasai sihat, bahagia atau sakit. Hadis yang diriwayatkan oleh An-Nu'man bin Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ
الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ
بِالسَّهْرِ وَالْحَمَى

“Perumpamaan orang-orang beriman dalam berkasih sayang sesama mereka, bertolak-ansur sesama mereka dan tolong-menolong dalam kalangan mereka adalah seperti satu tubuh badan, apabila mengadu sakit satu anggota badan maka anggota badan lain akan turut berjaga dan demam.”

(Riwayat Muslim)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah Eidul Fitri pada pagi yang mulia ini, sama-samalah kita mengambil dan menghayati pengajarannya untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita.



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Eidul Fitri adalah untuk kita membesarkan Allah dan mensyukuri segala nikmatnya.
2. Umat Islam hendaklah mengekalkan persaudaraan sesama muslim kerana persaudaraan menjamin kesejahteraan sebaliknya perpecahan menyebabkan kehancuran.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa menyucikan hati dengan aqidah yang benar, ibadah yang betul dan akhlak yang mulia bagi mengekalkan kebahagiaan dan kesejahteraan dalam hidup kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ

حَيٰوةً طَيِّبَةً ۗ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

“ Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

(Surah al-Nahl : 97)



بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ وَصَالِحُ الْأَعْمَالِ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا
أَنْ هَدَانَا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Di hari raya ini, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mengamalkan akhlak-akhlak mulia seperti ikhlas, sabar dan berbuat baik sesama manusia. Ini kerana akhlak mulia ini mendatangkan kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hidup kita. Sebaliknya jauhilah sifat-sifat keji seperti hasad dengki, khianat dan menghina sesama manusia. Ini kerana sifat-sifat buruk itu boleh mengundang bala dan wabak daripada Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah menjadi hamba Allah yang beriman, bersatupadu dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Kita juga hendaklah kekal terus berdisiplin dan wajib mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan serta berdoa kepada Allah Yang Maha Kuasa agar wabak Covid-19 dapat dihapuskan. Walaupun dalam suasana norma baharu, namun kita hendaklah menyantuni ibu bapa dan saudara mara dengan mengikut S.O.P yang dibenarkan seperti menjaga penjarakan, berhubung melalui kemudahan teknologi seperti siding video, whatsapp dan sebagainya. Kita juga boleh mengirim makanan atau apa sahaja juadah secara bungkusan atau melalui penghantaran.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا



المُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا اَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ

عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
